

# Kita perlu tentera cergas—Dr. M

MELAKA, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed hari ini menyarankan supaya Angkatan Tentera menekankan latihan untuk melahirkan anggota-anggotanya yang cergas dan berkesan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan sebuah Angkatan Tentera, sekalipun kecil tetapi sesuai dengan keadaan negara ini.

Bellau juga mahukan supaya Angkatan Tentera menumpukan perhatian mereka di bidang baikpulih kelengkapan ketenteraan seperti kereta-kereta perisai.

Bercakap kepada para pemberita di akhir lawatannya ke Kem Trendak kira-kira 26 kilometer dari sini, Perdana Menteri berkata:

"Sebagai sebuah negara kecil kita tidak mungkin mempunyai satu Angkatan Tentera yang besar dengan berbagai-bagai jenis alat kelengkapan moden seperti yang dimiliki oleh negara-negara lain."

Menurut bellau, kelengkapan-kelengkapan yang ada sekarang seperti Kereta Perisai (APC) walaupun pada lazimnya sudah tidak digunakan lagi tetapi kepada negara ini masih boleh dipakai jika Angkatan Tentera mempunyai kemudahan dan

keupayaan baikpulih.

Perdana Menteri berkata Angkatan Tentera berkemungkinan mengadakan kemudahan dan keupayaan ini seperti mengeluarkan barang-barang ganti bukan sahaja untuk kereta APC tetapi juga untuk kelengkapan lain.

## Bangga

Datuk Seri Dr. Mahathir bangga dengan kejayaan yang dicapai setakat ini dari segi kemudahan perubatan dan latihan khususnya latihan Komando.

Bellau yakin kemampuan Angkatan Tentera Malaysia tidak kurang daripada Angkatan Tentera yang sofistikated di

negara-negara lain.

Lawatan itu adalah satu dari siri lawatan selaku Menteri Pertahanan untuk mengetahui kedudukan pertahanan di kem itu.

Perdana Menteri diiringi oleh Panglima Tentera Darat, Jen. Tan Sri Zain Hashim dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Baharuddin Musa.

Perdana Menteri dibawa melawat kem itu oleh Panglima Divisen Tiga Mejar Jen. Datuk Haji Isa bin Ahmad.

Tempat-tempat yang dilawati termasuk Markas Tiga Divisen di mana bellau mendengar kalamat oleh Mejar Jen. Datuk Haji Isa.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian melawat Hospital Besar Angkatan Tentera dan menyampaikan hadiah kepada para pesakit di wad-wad dan projek Maktab Rendah Sains Mara yang sedang dibina.

Selepas itu Datuk Seri Dr. Mahathir menghadiri makan tengahari bersama Ketua Menteri Enik Mohd. Adib bin Mohd. Adam di Mes Pegawai.

Perdana Menteri kemudian melawat Kem Sungai Udang di mana bellau melihat kemajuan di cawangan Payung Terjun dan Amphibi.

Bellau juga menyaksikan pertunjukan terjun bebas oleh 15 peserta Gerak Khas di perkarangan Wisma Seri Bentara.

Perdana Menteri kemudian dibawa melawat projek Depo Peluru Trendak kira-kira 3 kilometer di luar kawasan kem tersebut.

Projek \$69.7 juta itu meliputi kawasan 198 hektar yang dimulakan pembinaannya Mei 1980 dan dijangka siap November tahun ini.

Setakat ini 57 peratus dari projek itu telah disempurnakan.

No. Siri ..... 2301 .....  
No. Penerimaan ..... 45/85 .....